

Pemangkin masa depan negara

Pemangkin masa depan negara

Genovasi giap bakat belia

# GENOVASI



KERJASAMA...Najib bersama pemimpin inovasi global selepas pelancaran Genovasi di Putrajaya, baru-baru ini.



Oleh

## Noor Mohamad Shakil Hameed

**G**OLONGAN belia terus meraih perhatian kerajaan yang aktif memperkenalkan pelbagai inisiatif baru termasuk menubuhkan Genovasi (Generasi dan Inovasi).

Genovasi ialah inisiatif baru kerajaan bagi membangunkan kemahiran inovasi di kalangan belia tempatan yang membantu mereka mencipta kekayaan serta memperbaiki taraf hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika berucap melancarkan Genovasi Malaysia, berkata inisiatif baru ini selaras dengan kepentingan kemahiran inovasi sebagai strategi berkesan mencapai kejayaan dalam persekitaran dunia yang diisitilahkan sebagai VUCA iaitu tidak stabil, tidak pasti, rumit dan tidak jelas.

Malah, Najib berkata Genovasi yang dilancarkan sebagai satu entiti tahun depan akan memperlihatkan usaha kerajaan membangunkan belia menjadi Duta Inovasi Negara yang memainkan peranan aktif mempertingkatkan dan membangunkan negara.

Kerajaan menyasarkan melahirkan 5,000 Duta Inovasi Negara dalam tempoh lima tahun akan datang.

Mengikut perancangan, Genovasi dikatakan akan bekerjasama dengan pemimpin inovasi global yang berprestij untuk menyampaikan dan berkongsi pengalaman serta kepakaran tentang inovasi, kemahiran dan metodologi kepada duta inovasi terbaik.

Manakala tiga laluan disediakan untuk belia iaitu masyarakat (projek pusat untuk memberi manfaat kepada rakyat), ekonomi (projek menjana kekayaan gelombang baru) dan projek peningkatan kerajaan bagi membantu penyampaian perkhidmatan.

Duta Inovasi Negara yang bakal dilantik oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) kelak akan memula dan melaksanakan projek menerusi tiga laluan itu.

Menariknya, Genovasi ini akan menjadi entiti baru mengenai impian dan cita-cita tanya untuk diangkat menjadi sebuah universiti dalam masa lima tahun akan datang.

Penulis yakin dan percaya ia bakal menjadi sebuah gedung ilmu yang mampu mencungkil, menggilap dan

melahirkan bakat baru di kalangan belia dalam pelbagai inovasi baru untuk membangunkan negara serta memperbaiki taraf hidup rakyat.

Ringkasnya, inisiatif kerajaan ini membuka satu lagi dimensi baru kepada hala tuju inovasi dan masa depan belia negara. Jika selama ini belia kita lebih banyak menjadi penonton yang pasif atau pengikut yang setia kepada inovasi orang lain, inilah pe-

luang mereka bangkit membuktikan kemampuan sendiri serta tampil menjadi peneraju utama.

Bagi merealisasikan hasrat itu, tiga laluan yang disediakan kepada mereka untuk mencuba nasib dalam memperkembangkan dan menransformasikan bakat dan kemahiran yang ada kepada sebuah inovasi yang hebat wajar dihayati dan direbut.

Ironinya, selama ini golo-

ram yang dikenali sebagai amali Genovasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Unit Inovasi Khas (Unik), Datuk Dr Kamal Jit Singh berkata, program itu mempunyai dua bahagian iaitu mempelajari kemahiran dan menggunakan kemahiran untuk mencipta projek, dengan setiap bahagian akan mengambil masa selama 12 minggu.

Ia bakal menjadi platform pendedahan dan pengalaman yang amat berharga dan signifikan kepada graduan kita yang bakal meneruskan legasi kecemerlangan negara ini.

Ringkasnya, inisiatif baru ini adalah kesinambungan kepada beberapa idea baru sebelum ini yang diperkenalkan kerajaan bagi memperkasakan belia kita.

Sebelum ini kerajaan meluluskan penubuhan Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M) berjumlah RM100 juta yang akan diagih-agihkan dalam bentuk geran kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan belia serta badan beruniform yang giat menjalankan aktiviti sukarelawan dengan Perdana Menteri sendiri bertindak sebagai Pengurus Lembaga Pemegang Amanah 1Malaysia For Youth (1M4U).

Melalui platform 1M4U yang bersandarkan kepada dana RM100 juta ini, belia boleh mencetuskan pelbagai lagi kejayaan lebih gemilang kepada negara menerusi idea serta sumbangan mereka.

Malah, perisytiharan 2013 sebagai Tahun Sukarelawan bagi melahirkan lebih ramai ikon belia dalam bidang sukarelawan negara adalah satu pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada golongan belia serta dunia kesukarelawanan tanah air.

Memetik kata-kata Najib: "Kami memahami dan menghargai anak muda yang tidak lagi mahu menjadi penonton pasif, sebaliknya mereka juga ingin aktif membangunkan negara."

Nada Perdana Menteri itu memperlihatkan keikhlasan kerajaan yang mahu memberi ruang dan peluang serta mendengar rintihan belia.

Justeru, penulis berharap belia menggunakan peluang ini untuk bersama-sama berganding bahu membangunkan negara dengan melakar kejayaan lebih gemilang.

ngan belia sering kali memberikan alasan mereka tidak diberi ruang atau peluang untuk mengetengahkan bakat. Suara mereka juga dikatakan kurang didengari oleh pihak yang berkaitan, kononnya masih mentah, muda atau kurang berpengalaman.

Maka, platform yang disediakan melalui Genovasi ini dilihat jawapan terbaik kepada semua alasan dan ruginya terabit. Penubuhan Genovasi ini membuka seluas-luasnya peluang yang sama rata kepada anak muda kita tampil mengetengahkan bakat mereka yang terpendam selama ini.

Penulis percaya inilah inisiatif baru yang bakal menjadi pemangkin kepada kejayaan program transformasi kerajaan, sekali gus mencorak masa depan yang lebih gemilang kepada negara ini.

Duta inovasi yang bakal dilantik perlu menjadi kumpulan perintis yang boleh menjadi saksi kepada kejayaan sebuah program yang hebat. Untuk itu, duta inovasi perlu merebut peluang yang disediakan dengan menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman dari pada pemimpin inovasi global yang akan menyampaikan maklumat mengenai inovasi, kemahiran, kepakaran dan metodologi.

Hal ini penting kerana tanpa ilmu dan kemahiran yang mencukupi, memang sukar kita mencipta suatu inovasi yang baru.

Dalam hal ini, kita berharap graduan universiti turut merentas peluang yang disediakan untuk menjalani prog-